

11/09/1998

Pendirian Zahid menjerat diri sendiri

DATUK Ahmad Zahid Hamidi memutuskan tidak akan meletakkan jawatannya sebagai Ketua Pergerakan Pemuda Umno, sebaliknya menyerahkan kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno untuk menentukan kedudukannya. Dalam kes ini, Zahid tidak perlu menyerahkan beban baru kepada MT untuk membuat keputusan bagi pihak dirinya kerana hak berbuat demikian sebenarnya ada di tangannya. Exco pergerakan itu mungkin mahu bersikap diplomatik terhadapnya dengan meminta masalah Zahid dirujuk kepada MT.

Mengikut peraturan parti, kes Zahid sewajarnya dibawa ke pengetahuan MT, melainkan jika ada usul tidak percaya terhadap kepemimpinan Zahid yang perlu dibahaskan dalam perhimpunan khas pergerakan itu. Sebaliknya, jika Zahid menerima mesej Pemuda, beliau seharusnya akur bahawa kepemimpinan beliau tidak lagi diperlukan. Cara terbaik ialah meletakkan jawatan dan kekal sebagai ahli Umno.

Zahid tahu sokongan terhadapnya, terutama daripada hampir keseluruhan anggota Exco pergerakan itu, benar-benar meleset. Hampir semua Pergerakan Pemuda Umno negeri sudah pun mempertikaikan percanggahan sikapnya. Pendirian Zahid dilihat terawang-awang. Ketika mempengerusikan mesyuarat Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN), beliau membuat kenyataan bagi pihak pergerakan itu menyokong tindakan yang diambil terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim tetapi membisu berhubung pendiriannya sebagai Ketua Pergerakan Pemuda Umno.

Sewajarnya Pergerakan Pemuda Umno secara terbuka mempersoalkan pendiriannya terhadap pimpinan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung isu pemecatan Anwar daripada Kabinet dan parti. Selepas umum mengetahui MT Umno sebulat suara membuat keputusan memecat Anwar, tidak sewajarnya Zahid yang menghadiri mesyuarat itu, menarik semula sokongannya selepas keputusan dibuat.

Tidak menjadi kesalahan jika Zahid dilihat berada di kediaman Anwar atas sifatnya sebagai rakan kerana ramai juga pemimpin lain yang menemui bekas Timbalan Presiden Umno itu. Pendirian pemimpin lain tidak begitu dipersoalkan kerana mereka dapat membezakan antara keputusan Umno dan hubungan persahabatan. Kehadiran mereka di rumah Anwar tidak semestinya bermakna menyokong beliau, sebaliknya sekadar hubungan sahabat. Bagaimanapun, mereka perlu membuat pendirian yang jelas dan terbuka supaya tidak menimbulkan salah faham.

Zahid tidak perlulah menawarkan diri supaya beliau juga dipecat. Adalah lebih baik beliau melepaskan jawatan itu secara terhormat. Selain memegang jawatan itu, beliau juga adalah Ahli Parlimen Bagan Datoh, mewakili Umno dalam Barisan Nasional (BN). Beliau juga menjawat jawatan sebagai Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN) yang diberikan kepadanya atas kedudukannya dalam parti. Semua kedudukannya ini akan terjejas jika MT dibenarkan membuat keputusan.

Sekiranya Zahid melepaskan jawatan Ketua Pergerakan Pemuda, beliau masih berada dalam Umno dan masa depannya dalam politik masih terjamin. Sebaliknya, jika bernekad dengan mengambil jalan 'membujur lalu, melintang patah,' bermakna beliau sendiri memaksa MT membuat pendirian tegas. Zahid tidak boleh mengharapkan satu impak yang besar sekiranya beliau dipecat dari parti kerana pengaruhnya kepada parti tidaklah meluas. Sekiranya dalam pergerakan itu sendiri beliau tidak lagi diyakini, tentulah pengaruhnya dalam badan induk itu juga tidak meluas.

Zahid tidak terbabit sama dalam dakwaan kesalahan perilaku moral. Jika Zahid dianggap bersalah sekali pun, beliau hanyalah dilihat menyokong Anwar. Memang Zahid adalah antara yang membangkitkan isu nepotisme, kronisme dan rasuah menjelang Perhimpunan Agung Umno Jun lalu, tetapi ia bukanlah isu yang membawa kepada pemecatan Anwar. Anwar dipecat semata-mata perilaku tidak bermoral. Kesalahan Zahid ialah kerana tidak akur kepada keputusan majoriti anggota Exco Pergerakan Pemuda yang menyokong tindakan MT memecat Anwar dari parti dan keputusan Dr Mahathir melucutkan jawatan Anwar dari Kabinet.

Sekiranya Zahid menyatakan pendirian sebenarnya dan mematuhi keputusan parti, kesalahannya masih boleh dimaafkan. Zahid bebas memilih jalannya. Jika beliau berasa bertanggungjawab atas pendiriannya, sewajarnya beliau meletakkan jawatan secara terhormat. Zahid tidak perlu memegang jawatan itu lagi kerana sebarang keputusannya hanya akan dipertikaikan. Naib Ketua, Datuk Hishammuddin Tun Hussein Onn boleh memangku jawatan itu sebagaimana pernah diberikan kepada Datuk Nazri Aziz ketika bekas Ketua Pergerakan itu, Tan Sri Rahim Tamby Chik bercuti sewaktu menghadapi kes mahkamah sebelum ini.

(END)